

# Sistem pendidikan 'cacat' tanpa prinsip moral, etika

Anwar tekankan antara kelemahan jadi punca insiden tidak bermoral seperti buli dan rogol di sekolah

Oleh Eafclah Mat Ruxki  
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata sistem pendidikan negara sedia ada mempunyai kecacatan kerana kelemahan penekanan kepada aspek nilai, moral dan prinsip etika.

Perdana Menteri berkata kelemahan sistem pendidikan negara juga kerana terlalu menekankan aspek ilmu pengetahuan semata-mata.

Beliau berkata kelemahan itu menjadi antara punca berlakunya kes tidak bermoral di sekolah seperti insiden buli dan rogol yang dilaporkan baru-baru ini.

"Saya tekankan masalah buli (itu disebabkan) pendidikan (yang menekankan) ilmu dan bukannya prinsip-prinsip nilai, moral dan etika... jadi, ada kecacatan," katanya pada Majlis Perhimpunan Bulanan Perdana Menteri Bersama Warga Jabatan Perdana Menteri di sini semalam.

"Sampai setiap majlis saya di Tambun, (ada) satu hari, hari Sabtu perjumpaan ada dua program di sekolah, saya tekankan masalah buli," katanya.

Beliau berkata kejadian membabitkan disiplin pelajar di sekolah seperti buli dan jenayah rogol mencerminkan kelemahan sistem pendidikan negara yang terlalu menekankan aspek ilmu pengetahuan semata-mata tetapi mengabaikan nilai moral dan etika yang menjadi asas pemben-



Anwar berucap pada Majlis Perhimpunan Bulanan Perdana Menteri Bersama Warga Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya, semalam.

(foto BERNAMA)

tukan insan berakhlak.

"Pendidikan tanpa nilai, tanpa prinsip moral dan etika itu ada kelemahannya.

"Bukan salah guru sahaja, ibu bapa (juga bersalah) jadi mudah-mudahan kita ada tekad lakukanlah sebaiknya untuk kita, untuk keluarga kita untuk masyarakat kita untuk negara kita," katanya.

Sejak kebelakangan ini, dunia pendidikan negara dilanda pelbagai isu disiplin seperti kes Zara Qairina Mahathir di Sabah, kes kematian seorang pelajar Tahun Empat di Negeri Sembilan dan terbaharu empat pelajar Tingkatan Lima yang dipercayai merogol seorang pelajar Tingkatan Tiga dalam bilik darjah di sebuah sekolah di Melaka.

Sementara itu, Ketua Pengarah Pendidikan, Dr Mohd Azam Ahmad, berkata Kurikulum baharu 2027 Kementerian Pendidikan digubal dengan memberi perhatian

kepada pembinaan sahsiah murid dari peringkat prasekolah sehingga mereka menamatkan pelajaran.

Katanya, kurikulum baharu itu akan dimulakan bagi takwim pendidikan 2026, bakal membangunkan nilai-nilai manusiawi.

Mengambil teguran Perdana Menteri itu, Mohd Azam berkata, kementerian mengambilnya sebagai motivasi untuk membawa penambahbaikan di KPM.

"Kita ada kurikulum baharu 2027 tapi kita akan mulakan pada 2026 untuk murid pra-sekolah, (ia) untuk peringkat prasekolah sampailah sekolah menengah. "Kita berikan perhatian kepada pembinaan karakter (sahsiah). Pembinaan karakter itu maknanya kita nak membangunkan nilai-nilai manusiawi," katanya pada sidang media khas di KPM, di sini, semalam.

Kurikulum baharu itu menggantikan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 berakhir tahun ini.

Beliau berkata kurikulum baharu itu memberikan penekanan kepada aspek pembinaan sahsiah dengan nilai-nilai manusiawi, nilai-nilai manusia yang beradab sebagai asas kepada reformasi pendidikan.

Dalam perkembangan berkaitan, Mohd Azam berkata, KPM akan mengeluarkan garis panduan keselamatan sekolah yang komprehensif menjelang Disember ini.

Beliau berkata, garis panduan itu dibuat selepas menerima dapatan daripada beberapa jawatankuasa khas yang kini sedang menjalankan audit keselamatan.

Katanya, garis panduan itu yang akan dimurnikan mengikut kesesuaian dan perubahan zaman, akan diumumkan Menteri Pendidikan.

Pada masa sama, beliau berkata, rangka garis panduan itu turut mempertimbangkan cadangan untuk mewajibkan sekolah premis sekolah dilengkapi dengan kamera litar tertutup (CCTV).